

**Payment Relief Assistance**

Tarikh: 22 Jun 2021

Alliance Bank Memudahkan Proses Pendaftaran Bantuan Pelepasan Pembayaran menggunakan Platform Whatsapp*Bank telah melanjutkan bantuan pelepasan pinjaman sebanyak RM7 bilion*

Alliance Bank mengesahkan komitmen untuk terus melanjutkan bantuan pelepasan pembayaran kepada pelanggan dengan menggunakan cara yang inovatif bagi membolehkan mereka mendaftar dengan mudah.

Pelanggan boleh memilih pakej bantuan pelepasan pembayaran mereka dengan mudah sama ada melalui telefon atau dengan membalias SMS atau mesej WhatsApp yang dihantar oleh Bank. Pelanggan juga boleh mendapatkan jawapan kepada pertanyaan mereka tentang bantuan pelepasan pembayaran dengan cepat melalui akaun perniagaan WhatsApp Bank.

“Alliance Bank telah menyediakan cara yang mudah untuk memberikan saya bantuan yang diperlukan. Mereka menyedari yang saya bekerja di dalam sektor penerbangan yang merupakan antara sektor yang terjejas teruk akibat pandemik. Mereka menyusun semula pinjaman perumahan dan pinjaman peribadi saya supaya jumlah ansuran bulanan mampu dibayar. Ianya jelas menunjukkan yang bank ini cuba membantu dan mereka memahami cabaran yang kami hadapi,” ulas Cik Nur Haliza dari Puchong, Selangor.

“Dengan sekatan sektor ekonomi yang dihadapi sekarang, kami menyeru para pelanggan yang menghadapi kesulitan kewangan untuk menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan tentang pakej bantuan yang sesuai,” kata En. Joel Kornreich, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Alliance Bank.

Sehingga kini, Bank telah menyediakan pakej Bantuan Pelepasan Pembayaran bernilai RM6 bilion dan hampir RM840 juta untuk melanjutkan moratorium bagi pelanggan perniagaan dan individu. Secara keseluruhannya, dianggarkan 15% daripada pelanggan Bank yang meminjam telah menyertai program bantuan pelepasan pembayaran.

“Kami juga secara aktif menghubungi pelanggan yang sedang menyertai pakej bantuan pelepasan pembayaran sedia ada dengan kami (dan akan tamat tidak lama lagi) untuk membincangkan tentang keadaan kewangan mereka bagi memohon penyusunan semula dan lanjutan tempoh pembayaran yang mungkin diperlukan,” kata En. Kornreich.

“Pengurus perhubungan saya telah menghubungi melalui telefon untuk bertanyakan tentang perniagaan saya. Saya memberitahunya bahawa saya risau dengan ansuran bulanan saya. Kami telah berbincang tentang beberapa pilihan bantuan pelepasan pembayaran dan saya telah memilih salah satu pilihan yang disyorkan oleh beliau. Sekarang, saya boleh memberi tumpuan kepada perniagaan saya,” kata En. Foo yang menjalankan perniagaan pembekalan dan perkhidmatan secara borong dan peruncit pakaian lelaki di Georgetown, Pulau Pinang.

Alliance Bank memberi jaminan kepada para pelanggan bahawa rekod Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (“CCRIS”) mereka tidak akan terjejas jika mereka memohon bantuan pelepasan pembayaran sebelum 31 Disember 2021.

“Kami meneruskan usaha untuk menghubungi para pelanggan kami melalui pelbagai platform seperti laman web korporat dan saluran media sosial untuk memberitahu mereka tentang pilihan bantuan pelepasan pembayaran yang disediakan. Kami turut mempromosikan Bantuan

Pelepasan Pembayaran melalui papan-papan iklan jalan raya di 25 buah lokasi utama di Lembah Klang serta papan iklan digital yang melibatkan 12 buah pusat membeli-belah dan 25 buah stesen minyak," tambah En. Kornreich.

Bantuan Lain Yang Disediakan

Selain Bantuan Pelepasan Pembayaran yang ditawarkan oleh bank-bank, kerajaan juga turut menyediakan pelbagai dana bagi membantu pelanggan perniagaan berdепan dengan cabaran pandemik. Alliance Bank terus menyediakan kemudahan membuat permohonan untuk pelbagai skim sokongan ekonomi kerajaan.

"Kami telah mengagihkan lebih RM600 juta Dana Kemudahan Bantuan Khas Bank Negara Malaysia bagi membantu PKS dan tambahan RM120 juta lagi melalui Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar Bank Negara Malaysia," jelas En. Kornreich. Selain itu, Bank turut mengagihkan lebih RM800,000 bagi membantu para usahawan mikro dan komuniti rentan yang terjejas menerusi SocioBiz, platform pengumpulan dana sosial Alliance Bank.

"Kami akan terus menyediakan kemudahan untuk membuat permohonan bagi mendapatkan dana bantuan kerajaan seperti Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar, Kemudahan Usahawan Mikro dan Kemudahan Teknologi Tinggi bagi pihak para pelanggan kami," tambah beliau lagi.

Para pelanggan Alliance Bank yang berminat untuk memohon Bantuan Pelepasan Pembayaran boleh meninggalkan butiran maklumat mereka di www.alliancebank.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan di 03-5516 9988.